

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kekalkan modul PKP Fasa 1, 2

Tindakan sepanjang perintah berjaya turunkan kes: Dr Noor Hisham

Putrajaya: Kerajaan dinasihatkan mengekalkan modul digunakan dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 bagi tempoh lanjutan yang akan bermula Rabu depan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia kerana kedua-dua fasa PKP itu menunjukkan kejayaan menurunkan bilangan kes COVID-19.

Antara tindakan dilaksanakan katanya, membabitkan kawalan sempadan dan pergerakan, larangan perhimpunan serta penjarakan sosial.

"Apa yang penting ialah kita sedang berjuang memerangi COVID-19. Kita masih belum menang tetapi tindakan kita selama ini (sepanjang PKP dikuatkuasakan) dapat tanda kejayaan menurunkan kes.

"Jadi kalau kita lihat semula, semua tindakan kita seharusnya diperketatkan untuk fasa ketiga. Dari segi perancangan untuk buka (kedai gunting rambut) atau hadkan pergerakan, KKM mengesyorkan kekalkan tindakan dilaksanakan pada Fasa 1 dan 2.

"Mungkin perancangan (membuka kedai gunting rambut) boleh dijalankan tetapi pelaksanaan ditangguhkan sementara," katanya pada sidang media harian di sini, semalam.



Anggota polis dan tentera membuat sekatan jalan raya pada PKP Fasa 2, di Pekan Serendah, Hulu Selangor.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Beliau berkata, demikian mengulas cadangan kerajaan membenarkan operasi kedai gunting rambut sepanjang pelaksanaan PKP fasa ketiga yang akan berkuat kuasa hingga 28 April ini.

Dr Noor Hisham berkata, mungkin selepas tamat PKP fasa ketiga nanti, rakyat tidak akan dapat kembali kepada kehidupan lazim tetapi KKM nasihatkan kepada semua perlu mengamalkan penjarakan sosial.

"KKM nasihatkan kepada semua, yang pertama perlu amalkan penjarakan sosial selamat, kedua mungkin tidak adakan perhimpunan kerana perhimpunan akan bawa mereka bersama di mana keberangkilan untuk jangkitan atau kebolehjangkitan COVID-19 mungkin berlaku.

"Jadi, kita kena putuskan rang-

kaian COVID-19 walaupun selepas PKP tamat dan inilah nasihat kita," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian mengunjurkan kes positif dengan kebolehjangkitan adalah sekitar 2,033 kes selepas PKP fasa pertama dan kedua tamat.

Justeru, beliau berkata, ia adalah tanda kejayaan PKP fasa pertama dan fasa kedua dalam menurunkan kebolehjangkitan COVID-19 dalam komuniti.

"Oleh itu, KKM menasihatkan orang ramai untuk terus membantu kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dengan kekal duduk di rumah, mengamalkan jarak selamat sekurang-kurangnya satu meter dan kerap mencuci tangan," katanya.



Orang ramai dinasihat mengamalkan jarak selamat satu meter dan memakai topeng muka ketika berada di luar.

224 anggota kesihatan positif

Kuala Lumpur: Seramai 224 anggota kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dikenal pasti positif COVID-19 sehingga jam 12 tengah hari kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata berdasarkan siasatan KKM setakat ini, tiada kes berpunca daripada pengendalian kes disahkan positif dari wad COVID-19 atau unit rawatan rapi (ICU), khusus bagi pesakit COVID-19 di fasiliti KKM.

Daripada jumlah itu katanya, 150 kes atau 67 peratus dikenal pasti berpunca daripada komuniti, termasuk rakan sekerja yang disebabkan jangkitan di komuniti, manakala 33 kes atau 15 peratus masih dalam siasatan.

"Sebanyak 41 kes atau 18 pe-

ratus mempunyai kaitan dengan pesakit, iaitu 29 kes daripada pesakit jangkitan pernafasan akut teruk (SARI), manakala sembilan daripada pesakit tidak diketahui status sebelum rawatan diberikan dan tiga kes lagi berpunca daripada aktiviti saringan dan lain-lain aktiviti di lapangan.

"KKM sentiasa memberi keutamaan kepada aspek keselamatan anggota kesihatan terutamanya petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus dalam menghadapi pandemik COVID-19 demi kepentingan negara," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata pelbagai tindakan diambil bagi menjaga keselamatan dan kesihatan anggota, termasuk melakukan peni-

lian keperluan dan stok alat pelindung diri di fasiliti seperti pembekalan peralatan perlindungan peribadi (PPE) sentiasa mencukupi.

"Selain itu, KKM turut memperkukuhkan 'triaging' iaitu penilaian dan pengasingan pesakit yang disyaki mempunyai gejala COVID-19 apabila datang ke fasiliti kesihatan serta memberikan mereka alat penutup hidung dan mulut untuk dipakai.

"Semua kes SARI dan jangkitan paru-paru diklasifikasikan sebagai jangkitan COVID-19 sehingga terbukti sebaliknya, memastikan petugas merawat pesakit positif COVID-19 menggunakan PPE dan anggota yang merawat pesakit tidak disyaki COVID-19 menggunakan alat penutup mulut," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Dr Noor Hisham pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sehingga kini, 72 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 38 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

165 kes pulih, dibenar keluar wad

2,462 kes aktif dengan kebolehhangkitan, 72 dirawat di ICU

Kuala Lumpur: Sebanyak 165 kes pulih dan dibenarkan discaj sehingga semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak 1,995 kes atau 44.04 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata terdapat 184 kes baharu yang dilaporkan, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,530 kes.

"Sehingga kini, 72 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada

jumlah itu, 38 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Oleh itu, selepas kes kumulatif ditolak dengan kes discaj dan kematian, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 2,462 kes.

"Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang media, semalam.

Mengenai kes kematian, beliau berkata ada pertambahan tiga lagi kes kematian akibat pandemik itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 ketika ini sebanyak 73 atau 1.61 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata kematian ke-71 (kes ke-3081) membabitkan lelaki warga Malaysia berusia 66 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan gout.

"Beliau mempunyai kontak rapat kes positif COVID-19 dari kluster perhimpunan Sri Peta-

ling (iaitu kes ke-452). Beliau dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan pada 1 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada hari ini (semalam), jam 12.05 tengah hari," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-72 (kes ke-537) adalah lelaki tempatan berusia 71 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung.

"Beliau dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 15 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia hari ini (semalam) jam 11.15 pagi.

"Kematian ke-73 (kes ke-2399) adalah lelaki warga Malaysia berusia 63 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi. Beliau dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak pada 25 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia jam 12 tengah hari tadi (semalam)," katanya.

Pembukaan sektor ekonomi terpilih perlu ditangguhkan

Putrajaya: Pembukaan beberapa sektor ekonomi terpilih perlu ditangguhkan sehingga sekurang-kurangnya dua minggu lagi bagi membolehkan penilaian dilakukan sama ada negara berjaya mengawal penularan COVID-19 dalam komuniti, atau sebaliknya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia berikutan ketika ini adalah masa kritikal dalam usaha untuk memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19 di negara ini.

Beliau berkata, semua Kementerian juga perlu membuat perancangan untuk membuka sektor ekonomi tertentu itu kerana tidak mahu keadaan kembali seperti sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Orang kata kalau kita berlari 100 meter, 10 meter terakhir yang paling penting. Kalau kita lari maraton 10 meter terakhir inilah (yang menentukan) kejayaan atau tidak. Jadi kita kena bersabar dalam perjuangan kita.

"Kita nasihatkan semua (sektor ekonomi terpilih). Kalau yang terpaksa, contoh senarai keperluan asas, dari hari pertama kita dah benarkan, contoh makanan. Kita tidak ada masalah dari segi senarai keperluan asas.

"Tapi kalau lebih ramai orang tak duduk rumah dan keluar jadi kebarangkalian atau kebolehhangkitan itu meningkat. Konsep dia mudah saja, duduk di rumah, kurangkan jangkitan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata de-

milian ketika ditanya sama ada negara sudah bersedia untuk membuka beberapa sektor ekonomi bermula minggu hadapan.

Semalam, banyak pihak membantah pembukaan sektor gantung rambut kerana menganggap ia tidak penting dan boleh memutuskan kluster baharu.

Dr Noor Hisham berkata pihaknya sudah membincangkan isu pelaksanaan keputusan itu dengan kerajaan dan menggalakkan Kementerian membuat perancangan.

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaan keputusan itu boleh dilakukan seminggu, dua minggu atau mungkin selepas PKP tamat.

"Saya fikir, semua Kementerian sepatutnya merancang dari sekarang bagaimana untuk pelaksanaan secara berperingkat-peringkat.

"Ini bukan seperti hari raya, hari ini sedang bercuti esok bekerja, bukan seperti itu. Kita kena lihat untuk kita bermula dengan cara berperingkat-peringkat, kita tidak boleh kembali terus. Contohnya, habis saja fasa tiga kita terus seperti cara biasa," katanya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham memberi contoh berkemungkinan sesi persekolahan juga boleh dibuat secara berperingkat-peringkat dengan Tingkatan Lima dan Enam Atas sahaja yang dibenarkan berjalan semula berikutan pelajar perlu menduduki peperiksaan, manakala kelas lain boleh mulakan secara berperingkat-peringkat selepas itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Pusat kawal kusta jadi wad

Kuala Lumpur: Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) di Hospital Sungai Buloh dijadikan wad bagi menempatkan pesakit COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 60 katil disediakan untuk pesakit dengan gejala ringan.

"Ruang lama Pusat Kawalan Kusta Negara di Hospital Sungai Buloh berjaya ditukarkan kepada sebuah wad 60 katil khas untuk pesakit COVID-19 dengan gejala ringan," katanya menerusi Facebook, kelmarin.

PKKN pernah menjadi kawasan larangan sejak 1926 kerana menempatkan koloni pesakit kusta dari seluruh negara hingga tiada lagi kes baharu penyakit itu dikesan pada 1996.

Pusat itu juga sangat penting kerana ia yang pertama seumpamanya di dunia sehingga perancangannya menjadi model kepa-



PKKN di Hospital Sungai Buloh berjaya ditukarkan kepada sebuah wad dengan 60 katil.

(Foto ihsan FB Noor Hisham Abdullah)

da pusat kusta di serata dunia.

Selain PKKN, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) turut dijadikan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah.

Ia menempatkan 600 katil ter-

masuk 400 untuk pesakit lelaki.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Mardi Corp, Zaidi Shahrin, dilaporkan berkata kemungkinan pusat itu dibuka dan menerima pesakit minggu depan.

KKM akan buka makmal baharu kesan wabak

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menyediakan sebuah lagi makmal baharu khusus bagi melakukan ujian pengesanan kes wabak COVID-19, di negeri ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia sebagai langkah bersiap-siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berhubung penularan wabak COVID-19 di selatan tanah air.

"Makmal baharu yang sedang dalam proses untuk dilaksanakan ini adalah bagi menambah fasiliti makmal sedia ada di Johor untuk melakukan ujian pengesanan kes wabak COVID-19.

"Setakat ini, Johor mempunyai dua makmal COVID-19 iaitu makmal Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru.

"KKM sentiasa proaktif dan bersedia, malah akan menyediakan makmal baharu *fast track* selain bekerjasama dengan makmal swasta untuk kita membuat saringan dan

juga ujian supaya dapat membuat keputusan yang cepat dan tepat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini, semalam.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak proses mendapatkan keputusan ujian pengesanan COVID-19 memakan masa lama kerana kekurangan fasiliti makmal, Dr Adham menafikan perkara itu.

"Itu bukan suatu isu yang dihadapi KKM. Makmal sedia ada mampu mengeluarkan keputusan pengesanan COVID-19 pada masa yang munasabah," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, aliran keupulangan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dijangka menunjukkan penurunan berikutan langkah republik itu melaksanakan langkah lebih ketat dalam mengekang pergerakan di negara seberang Tambak Johor itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Sabar, tunggu seminggu lagi'

KKM nilai data kes jangkitan sebelum benar pelajar pulang

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) meminta tempoh seminggu bagi menilai data kes jangkitan COVID-19 sebelum kebenaran diberikan kepada pelajar di kampus untuk pulang ke rumah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya hanya boleh memberikan nasihat kebenaran kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam tempoh pe-

laksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga yang bermula 15 April hingga 28 April.

"Cadangan kita (ialah) bersabar. Mungkin dalam seminggu dua ini, kita lihat data terkini untuk tempoh seminggu. Dalam fasa ketiga kita boleh beri nasihat kepada KPT," katanya pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Beliau menegaskan fasa ketiga PKP cukup penting dalam memastikan pengurangan kes jangkitan baharu COVID-19.

Terdahulu Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata KKM akan meneliti sebarang keputusan untuk membenarkan pelajar yang berada di kampus pulang ke kampung halaman.

Beliau berkata, perkara itu penting kerana ia akan membabitkan pergerakan sejumlah besar pelajar jika kebenaran itu diberikan.

"Kita menerima cadangan daripada KPT, bagaimanapun kita perlu meneliti dengan lebih lagi kerana ia akan membabitkan pergerakan sangat besar.

"Oleh kerana jumlah begitu besar dan ada sebilangannya akan pulang ke Sabah dan Sarawak, kita minta KKM melihat perkara ini dari segi kesan kepada kesihatan, bukan sahaja kepada pelajar malah kepada penduduk di kawasan asal mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkenaan Pelaksanaan PKP di Putrajaya, semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan memahami kehendak pihak yang terbabit, namun perkara itu perlu diteliti lebih mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat.

"KKM melaporkan berlaku penurunan kes dan tidak mahu perkara seperti ini menjejaskan usaha mereka dan akhirnya menyebabkan kes meningkat semula.

"Jadi kita mahu PKP ini jika boleh ditamatkan mengikut perancangan yang dibuat KKM," katanya.

Ismail Sabri berkata, setakat ini, lebih 80,000 pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta tinggal di kampus dan kolej sepanjang PKP dilaksanakan dan ia tidak termasuk dengan mereka yang tinggal di rumah sewa.

Kelmarin, Menteri Pengajian

Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad memberi jaminan kementerianya akan meneliti kaedah terbaik untuk menghantar pulang pelajar yang masih berada di kampus ke rumah masing-masing.

"Keutamaan ketika ini bukan hanya menghantar pulang mereka tetapi pulang dalam keadaan selamat dan sihat," katanya dalam entri di Facebooknya.

Keputusan itu dibuat susulan pengumuman oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai tempoh PKP yang dilanjutkan sehingga 28 April ini.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan menanggung sepenuhnya bantuan makanan untuk 74,530 penuntut yang tidak dapat pulang ke kampung halaman akibat PKP.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NASIONAL



Anggota RELA dengan kelengkapan pakaian perlindungan diri (PPE) menolak troli ketika tinjauan di Selangor Mansion dan Malayan Mansion, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)



Dua penghuni Bangunan Selangor Mansion dipercayai positif dibawa menaiki ambulans, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Penularan COVID-19

Selangor Mansion rekod 32 lagi kes

Kes positif di Malayan Mansion tiada pertambahan, kekal 4 orang

Kuala Lumpur: Kes positif COVID-19 yang direkodkan di Bangunan Selangor Mansion di Jalan Masjid India, di sini meningkat kepada 43 kes iaitu pertambahan sebanyak 32 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata satu lagi bangunan yang diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu Bangunan Malayan Mansion, merekodkan empat kes positif, iaitu sama seperti kelmarin.

"Di Bangunan Malayan Mansion, setakat ini jumlah disaring 783 orang dan positif empat kes, tiada pertambahan. Sementara di Selangor Mansion, jumlah disaring adalah 898 orang, positif 43 kes iaitu pertambahan 32 kes.

"Di Menara One City (yang turut diletakkan di bawah PKPD) jumlah yang disaring adalah 2,054 dan jumlah kes positif masih kekal 30 kes," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Sementara itu, polis menjalankan kawalan ketat ketika proses

membawa keluar penduduk yang disyaki positif COVID-19, di flat Selangor Mansion dan Malayan Mansion.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim, berkata kawalan ketat itu merangkumi proses kawalan PKPD di kawasan terbabit serta ketika mereka keluar dari kediaman untuk dibawa ke hospital.

"Polis turut mengiringi kenderaan membawa penduduk yang positif ke Hospital Sungai Buloh. Ini bagi memastikan segala proses berjalan lancar tanpa sebarang kejadian tidak diingini," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Mazlan berkata, pihaknya sentiasa bersedia sedia sekiranya kerajaan merancang untuk memperketatkan kawalan di seluruh kawasan Jalan Masjid India mahupun lokasi lain di sekitar bandar raya ini.

"Saya juga ingin menegaskan bahawa setakat ini situasi semasa di seluruh Kuala Lumpur berada dalam keadaan terkawal dan orang ramai dinasihatkan untuk terus mengikuti saranan kerajaan supaya sentiasa berada dalam rumah," katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan atau pun maklumat boleh menghubungi Hotline Polis Kuala Lumpur di 03-2115 9999 atau mana-mana balai polis berhampiran.

Di Shah Alam, ujian saringan komuniti berskala besar COVID-19 dilaksanakan di sekitar Hulu Langat sebagai usaha membantu melandaikan puncak jangkitan (flattening the curve) virus berkenaan di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata saringan secara bersasar itu membabitkan 400 hingga 500 ujian sehari bagi membolehkan lebih banyak kes jangkitan dapat dikenal pasti.

"Ujian saringan itu dilakukan oleh 48 petugas perubatan dengan menyasarkan golongan berisiko tinggi seperti warga emas menerima bantuan analisis data raya.

"Ini usaha sama kerajaan negeri dengan pihak swasta dan disokong sukarelawan serta diselenggarakan oleh anak syarikat kerajaan negeri, SELCARE Management Sdn Bhd," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Amirudin berkata, ujian saringan itu dilaksanakan mengikut prosedur dan pengawalan yang ketat di samping menggunakan peralatan perlindungan peribadi (PPE) serta mematuhi jarak sosial.

Katanya, kerajaan negeri juga menahirkkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan misi berkenaan terutamanya Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sukarelawan kerana sanggup mengambil risiko menjadi barisan hadapan.



Ujian saringan itu dilakukan oleh 48 petugas perubatan dengan menyasarkan golongan berisiko tinggi seperti warga emas menerima bantuan analisis data raya.

Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor



Penghantar membawa barangan untuk penghuni Selangor Mansion dan Malayan Mansion, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM minta kerajaan tangguh dahulu beri kelonggaran

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meminta kerajaan menangguhkan dahulu kebenaran untuk membuka semula beberapa sektor ekonomi termasuk perkhidmatan gunting rambut sekurang-kurangnya untuk tempoh dua minggu lagi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, langkah itu perlu bagi memastikan

usaha untuk membendung penularan wabak koronavirus (Covid-19) akan tercapai dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga ini.

"Memang kita setuju dengan perancangan tetapi dari segi pelaksanaan, penangguhan sekurang-kurangnya dua minggu.

"Setidak-tidaknya untuk kita lihat dalam tempoh seminggu sama

ada kita dapat kawal Covid-19 dalam komuniti kita.

"Kalau kita lari maraton, 10 meter terakhir inilah kejayaan atau tidak. Jadi kita kena bersabar dalam perjuangan kita," katanya pada sidang akhbar KKM di sini semalam.

Noor Hisham bagaimanapun berkata, perkara itu telah dibincangkan dengan kerajaan.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Makmal pengesanan Covid-19 ditambah

Bagi membolehkan keputusan saringan diperoleh dengan lebih cepat dan tepat

JOHOR BAHRU

Kementerian Kesihatan akan menambah makmal pengesanan Covid-19 baharu di Johor sebagai langkah kesiapsiagaan dan usaha mengekang penularan wabak itu di negeri ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, makmal itu adalah tambahan kepada fasiliti makmal sedia ada untuk melakukan ujian pengesanan Covid-19.

Setakat ini, katanya, Johor mempunyai dua makmal Covid-19 iaitu makmal Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru.

"Untuk makmal, kita sentiasa bersedia malah akan menyediakan makmal baharu *fast track* selain akan bekerjasama dengan makmal pihak swasta untuk kita membuat saringan dan juga ujian supaya kita dapat membuat keputusan yang cepat dan tepat," katanya dalam sidang akhbar selepas melakukan lawatan ker-



Dr Adham (kanan) pada sidang akhbar mengenai kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan dalam usaha memutuskan rantalan Covid-19 di Johor Bahru semalam.

ja ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini semalam.

Berhubung kapasiti penggunaan katil hospital kerajaan yang digazetkan sebagai hospital rawatan Covid-19 di Johor pula, beliau berkata, kadar penggunaannya kini sebanyak 52 peratus.

"Tiga hospital yang digazetkan sebagai hospital Covid-19 di negeri ini iaitu HSA, Hospital Permai dan Hospital Encha' Besar Hajjah Khalsom, Kluang kini mempunyai kapasiti katil sebanyak 666 buah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata, sejak Singapura melaksanakan langkah 'pemutus litar' wabak Covid-19

mulai Selasa lepas, bilangan pekerja Malaysia yang telah pulang dari republik itu melalui dua pintu masuk negeri ini telah menunjukkan trend penurunan.

"Semasa fasa pertama pelaksanaan PKP di negara ini, dianggarkan seramai 1,400 rakyat Malaysia pulang melalui BSI sehari dan seramai 700 orang sehari pulang menerusi Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Gelang Patah, Iskandar Puteri.

"Apabila memasuki fasa kedua, jumlah itu meningkat kepada 2,000 orang di BSI dan 1,000 (KSAB) tetapi menunjukkan trend penurunan setelah Singapura mengadakan langkah *circuit breaker* (pemutus litar)," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR AHAD
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

224 kakitangan KKM positif Covid-19

Tiada kes berpunca daripada pengendalian pesakit di hospital

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
 PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan seramai 224 kakitangannya dikesan positif wabak koronavirus (Covid-19) setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, siasatan mendapati tiada kes yang berpunca daripada pengendalian kes yang disahkan positif dari wad Covid-19 atau unit rawatan rapi (ICU) khusus untuk pesakit Covid-19 di fasiliti KKM.

"Daripada 224 anggota KKM yang dikesan positif itu, 150 kes atau 67 peratus adalah berpunca daripada komuniti termasuk daripada rakan sekerja yang disebabkan oleh jangkitan dalam komuniti.

"Sejumlah 41 kes pula mem-

punyai kaitan dengan pesakit iaitu 29 kes daripada pesakit Severe Acute Respiratory Infection (SARI), sembilan daripada pesakit yang tidak diketahui status sebelum rawatan diberikan dan tiga kes daripada aktiviti saringan serta lain-lain aktiviti di lapangan.

"Sebanyak 33 kes (15 peratus) lagi masih dalam siasatan," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini kes Covid-19 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, KKM sentiasa memberi keutamaan kepada aspek keselamatan anggota kesihatan terutamanya petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus dalam menghadapi pandemik Covid-19 demi kepentingan negara.

"Pelbagai tindakan telah diambil bagi tujuan menjaga keselamatan dan kesihatan ang-



DR NOOR HISHAM

gota termasuk penilaian keperluan dan stok alat pelindung diri di fasiliti bagi memastikan pembekalan peralatan perlindungan peribadi (PPE) sentiasa mencukupi.

"Selain itu, KKM turut memperkukuhkan *triaging* iaitu

penilaian dan pengasingan pesakit yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 apabila datang ke fasiliti kesihatan serta memberikan mereka alat penutup hidung dan mulut untuk dipakai.

"Semua kes SARI dan jangkitan paru-paru (pneumonia) diklasifikasikan sebagai jangkitan Covid-19 sehingga terbukti sebaliknya, memastikan petugas merawat pesakit positif Covid-19 menggunakan PPE, dan anggota yang merawat pesakit tidak disyaki Covid-19 menggunakan alat penutup hidung dan mulut," katanya.

Tiga kematian, 184 kes baharu

PUTRAJAYA - Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) melaporkan terdapat tiga kematian baharu akibat wabak koronavirus (Covid-19) direkodkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan itu menjadikan kumulatif kes kematian setakat jam 12 tengah hari semalam seramai 73 orang.

"Kesemua kematian baharu itu melibatkan lelaki warganegara Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas dan mempunyai latar belakang penyakit kronik," katanya.

Beliau berkata, sebanyak

184 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,530 kes.

"Sebanyak 72 kes positif sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan daripada jumlah tersebut, 38 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, seramai 165 kes telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kes kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 1,995 kes atau 44.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

KES KEMATIAN BAHARU COVID-19 DI MALAYSIA

| Kes ke | Kematian ke | Jantina | Umur (tahun) | Hospital | Latar belakang |
|--------|-------------|---------|--------------|--|---|
| 3091 | 71 | lelaki | 66 | Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan | Mempunyai penyakit jantung manis dan hipertensi. Kontak rapat dengan kes ke-152 (kluster Serai Petaling). |
| 537 | 72 | lelaki | 71 | Hospital Sungai Buloh, Selangor | Mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung. |
| 2399 | 73 | lelaki | 63 | Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh | Mempunyai penyakit darah tinggi. |

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Melaka Tengah kini zon merah



Kakitangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya melakukan operasi nyahcemar bagi mengesahkan penularan Covid-19 di Medan Selera Melaka Baru. Melaka Tengah kini diisytiharkan sebagai zon merah.

Jumlah keseluruhan zon merah di Malaysia kini sebanyak 26 kawasan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Daerah Melaka Tengah di Melaka menjadi lokasi terbaharu diisytiharkan sebagai zon merah apabila kes positif jangkitan wabak Covid-19 meningkat kepada 44 kes di kawasan itu.

Penambahan satu lagi kawasan itu menjadikan jumlah keseluruhan zon merah di Malaysia kini meningkat kepada 26 lokasi.

Selain Melaka Tengah, Jasin merupakan daerah terawal di negeri itu yang diletakkan dalam katego-

ri merah dan kini kes positif Covid-19 di kawasan tersebut telah mencecah 61 kes.

Menerusi data yang dikeluarkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat jam 12 tengah hari kelmarin, Lembah Pantai di Kuala Lumpur kekal merekodkan jangkitan positif tertinggi iaitu 427 kes.

Kawasan kedua tertinggi pula ialah Hulu Langat yang kini berada dalam Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) dengan 368 kes dan diikuti Petaling dengan 328 kes.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kelmarin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua yang sepatutnya berakhir 14 April dilanjutkan dua minggu lagi bermula 15 hingga 28 April hadapan.

Bercakap melalui perutusan khas yang disiarkan secara langsung melalui media rasmi kerajaan, Muhyiddin menegaskan

Senarai lokasi zon merah seluruh Malaysia

| NEGERI | KES |
|------------------------|--------------|
| Perak | |
| Kinta | 97 |
| Hilir Perak | 6 |
| Selangor | |
| Hulu Langat | 368 |
| Petaling | 328 |
| Gombak | 123 |
| Sepang | 59 |
| Klang | 59 |
| Hulu Selangor | 44 |
| Kuala Lumpur | |
| Lembah Pantai | 427 |
| Kepong | 114 |
| Titivangsa | 106 |
| Cheras | 64 |
| Putrajaya | 49 |
| Negeri Sembilan | |
| Seremban | 197 |
| Rembau | 52 |
| Melaka | |
| Jasin | 61 |
| Melaka Tengah | 44 |
| Pahang | |
| Jerantut | 63 |
| Kuantan | 53 |
| Johor | |
| Kluang | 176 |
| Johor Bharu | 171 |
| Batu Pahat | 50 |
| Kelantan | |
| Kota Bharu | 86 |
| Sarawak | |
| Kuching | 209 |
| Kota Samarahan | 46 |
| Sabah | |
| Tawau | 67 |
| JUMLAH | 3,279 |

keputusan itu dibuat bagi memberi ruang kepada petugas kesihatan untuk memerangi sepenuhnya penularan pandemik itu.

KKM saran penuntut di kampus tidak dihantar pulang

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencadangkan semua pelajar yang masih berada di kampus tidak dihantar pulang ke kampung masing-masing buat masa ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini kerana fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penting dalam menentukan kejayaan untuk memutuskan rantaian pandemik koronavirus (Covid-19).

"Mungkin dalam seminggu dua sekurang-kurangnya atau dalam tempoh seminggu kita akan melihat data yang terkini.

"Jadi, kalau kita ada data-data yang terkini untuk tempoh seminggu dalam fasa ketiga ini, kita boleh memberi nasihat kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan kementerian itu yang sedang meneliti kaedah terbaik untuk menghantar pulang pelajar yang masih berada di kampus ke rumah masing-masing.

Menterinya, Datuk Dr Noraini Ah-

"Kita perlu memperketatkan lagi kawalan kita (dalam fasa ketiga) untuk menurunkan kes Covid-19 dan unjuran kita."

mad dilaporkan berkata, keutamaan ketika ini bukan hanya menghantar pulang mereka tetapi pulang dalam keadaan selamat dan sihat.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, pelaksanaan PKP fasa ketiga yang akan bermula 15 April ini perlu diperketatkan lagi supaya wabak itu dapat ditangani sebaiknya.

"Kita perlu memperketatkan lagi kawalan kita (dalam fasa ketiga) untuk menurunkan kes Covid-19 dan unjuran kita."

"Kita mungkin akan berjaya sekiranya semua rakyat Malaysia bersama KKM," kata beliau.

Simpang Renggam catat peningkatan kes baharu

PUTRAJAYA - Kes positif koronavirus di Simpang Renggam, Kluang, Johor yang diletak di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mencatatkan peningkatan sebanyak tujuh kes semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan itu menjadikan jumlah kumulatif di kawasan PKPD itu meningkat kepada

183 kes.

"Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid juga mencatatkan peningkatan sebanyak tujuh kes yang menyumbang kepada jumlah 145 kes positif setakat ini, manakala lain-lain lokaliti masih sama.

"Pecahan mengikut mukim mencatatkan Ulu Benut sebanyak 160 kes, Kluang (18), Machap (4) dan Nyiur (1)," katanya. - Bernama

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

NewSundayTimes • APRIL 12, 2020

6 | NEWS / Nation

2 MORE WEEKS

HEALTH D-G: DELAY RESTART OF BUSINESS

Last few metres of marathon vital in ensuring success of Covid-19 fight, says Noor Hisham

PUTRAJAYA

HEALTH director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah has advised the government to delay the reopening of selected business sectors.

He described the third phase of the Movement Control Order (MCO), which begins on April 15, as a crucial period for Malaysia in its fight against the Covid-19 pandemic.

Dr Noor Hisham said the "marathon" to eliminate the outbreak was coming to an end in which the "last few metres" would determine if the efforts

implemented would be a success.

He said the reopening of businesses should be delayed for at least two weeks.

"We agree with the government's plan (to resume selected business sectors in stages), but in terms of implementation, (we need to) delay it for at least two weeks.

"(Or) at (the very) least for a week to see if we can control the spread of Covid-19 in the community.

"The projection (of lower infectivity is (now) increasingly convincing.

"People say that if we run a marathon, the last 10m is the most important and that will determine our success.

"So we need to be patient in our Covid-19 battle," he said yesterday.

According to the International Trade and Industry Ministry (Miti), the sectors allowed to reoperate were machinery and equipment, aerospace and science, reg-



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah speaking to the media in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

istered traditional medicine services, hardware shops, electrical and electronic shops, optometry practices and barbershops.

Dr Noor Hisham said the Covid-19 data during the first week of MCO's third phase must first be studied as it would be impossible for Malaysians to return to normalcy after the end of the phase.

"We have discussed with the government in terms of implementation.

"Yes, we encourage planning ahead after the MCO because if we do not, we may think everything will return to normal.

"It is not going to be normal. We cannot go on as normal immediately after that as the implementation (to return to normalcy) must be done in stages.

"We can begin planning now

but the implementation to begin only in a week, or two or maybe after the MCO. We are encouraging all ministries to plan the implementation and stagger its rollout.

"This is not like Hari Raya, in which today you are on leave and tomorrow you are back at work.

"It (data) needs to be studied, otherwise, everyone will be crowding in places, such as bus stations. We need to avoid that."

He cited an example of prioritising important sectors, such as education, or secondary schools, where classes for Form Three, Form Five, Upper Six classes could resume for examinations.

"We need to plan properly. We do not have issues with (resuming) essential services.

"But we do not want people to

leave their homes (too early), thereby increasing the probability of infection.

"We need to practise social distancing, frequently wash our hands and remain at home. That will be the key to our success."

Earlier, he said three more Covid-19 deaths had been reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre on Friday, bringing the toll to 73.

As of yesterday, there are 184 new cases. A total of 165 patients have recovered and discharged, which brings the cumulative recovery cases to 1,995.

"Until now, 72 positive cases are being treated in Intensive Care Units. Of that, 38 require breathing aid."

He added that there are 2,462 cases that have been isolated and treated.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Ministry studying post-MCO strategy

Health DG: Efforts to thwart virus spread to continue even after third phase

By SIRA HABIBU
and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Plans are underway to continue combating Covid-19 after the completion of phase three of the movement control order (MCO) on April 28, says the health director-general.

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry was studying the next course of action.

"Preparations must start now to implement strategies after the third phase. It is possible that after the third phase, we cannot return to a 'normal' life.

"It may be that the Health Ministry will advise people to (continue to) practise social distancing and not to organise gatherings," he said.

Dr Noor Hisham said efforts to break the Covid-19's chain of trans-



It is possible that after the third phase, we cannot return to a 'normal' life.

Dr Noor Hisham Abdullah



mission would continue past the MCO period.

"We have to look at the industries or how we will conduct our daily activities, according to the Health Ministry's advice from time to time," he said at his daily press briefing in Putrajaya yesterday.

The first phase of the MCO was



for 44% of the total number of cases.

Seventy-two patients are in intensive care.

Dr Noor Hisham said as of Friday, 224 ministry healthcare personnel had tested positive for Covid-19.

He added that based on investigations, the cases were not from handling or treating patients suffering from the disease.

About 150 cases were spread within the community, he said, with 41 cases occurring as a result of treating Severe Acute Respiratory Infection (SARI) patients or those unaware that they had Covid-19.

The rest of the cases were still under investigation, he said.

from March 18-31 and second phase from April 1-14. The third phase is from April 15-28.

Dr Noor Hisham said the ministry was constantly monitoring data to check if projections to reduce the number of cases would be met.

Malaysia recorded 184 new Covid-19 cases yesterday, raising the tally to 4,530, with the death toll at 73 with three new deaths.

He said 165 patients had recovered and been discharged, with total recoveries of 1,995 accounting

Watch the video
thestartv.com



Editor's
pick

Protecting
kids from
Covid-19
> StarHealth
page 7



AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Ministry setting up fast-track labs

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: The Health Ministry is planning to set up fast-track labs around the country that can screen for Covid-19 and produce faster results.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said the fast-track labs would improve the ministry's readiness.

"The ministry will work together with the private sector to conduct screening and testing to produce faster and more accurate results.

"It is currently in the process," he told reporters after visiting the Sultan Iskandar Customs, Immigration, and Quarantine Complex (BSI) here yesterday.

The ministry, he added, was also



Addressing the media:

Dr Adham speaking at a press meet at the Sultan Iskandar Customs, Immigration, and Quarantine Complex in Johor Baru.

planning to improve the current two Covid-19 testing labs located in Sultanah Aminah Hospital (HSA) and the Public Health Laboratory (MKA) here.

Dr Adham said there were also 164 quarantine stations in Johor aside from a low-risk Covid-19 quarantine centre at the Health Ministry Training Institute here

with an 80-bed capacity.

"We also have Covid-19 hospitals with 666-bed capacity that are currently operating at 52%.

"For those with symptoms, such as fever, difficulty in breathing or sore throat, and want to get tested, they can visit one of the six Covid-19 screening hospitals that we have," he said.

The six hospitals are HSA Johor Baru, Sultan Ismail Hospital Johor Baru, Sultanah Nora Ismail Hospital Batu Pahat, Sultanah Fatimah Specialist Hospital Muar, Enche' Besar Hajah Kalsom Hospital Kluang and Segamat Hospital.

Fewer Malaysians, said Dr Adham, were also returning from Singapore after the republic announced its circuit breaker period starting April 7.